

Lawatan PM capai matlamat

Hubungan 2 hala terus dipererat, tingkat peluang pelaburan baharu

Daripada Najmuddin Najib
bhnews@bh.com.my

di Jerman



Datuk Seri Anwar Ibrahim menyifatkan, lawatan enam hari beliau ke Jerman bukan setakat mencapai objektif mengukuhkan hubungan dua negara, bahkan meningkatkan peluang perdagangan dan pelaburan untuk Malaysia.


Perdana Menteri berkata, inti pati penting daripada lawatan itu adalah perbincangan panjang bersama rakan sejawatnya, Canselor Jerman, Olaf Scholz; Naib Canselor, Robert Habeck dan Presidennya, Frank-Walter Steinmeier, yang menyentuh kerjasama dalam pelaburan, pelancongan, pendidikan serta isu diplomatik termasuk Gaza dan Ukraine.

Mengenai pelaburan, Anwar berkata, Malaysia memperoleh komitmen potensi pelaburan baharu berjumlah RM45.4 bilion selepas mesyuarat bersama 38 syarikat utama.

Menurutnya, pelaburan utama itu membabitkan tujuh syarikat Eropah yang berpangkalan di Jerman.

"Projek di bawah X-Fab, Melexis dan Schott Glass yang diluluskan pada 2023 dengan jumlah nilai pelaburan RM4.45 bilion dijangka menjana kira-kira 1,000 peluang pekerjaan," katanya kepada media Malaysia pada hari terakhir lawatan rasminya ke Jerman, semalam.

Anwar berkata, pengeluar semikonduktor terbesar Jerman, Infineon Technologies AG, bersetuju melabur 5 bilion Euro di Malaysia, manakala X-Fab akan



Anwar mengadakan pertemuan dengan syarikat Belanda, Nexperia di Hamburg, semalam.

(Foto BERNAMA)

memulakan pelaburan di Sarawak.

Anwar berkata, sepanjang minggu lalu, laporan *Financial Times* dan *New York Times* meletakkan Malaysia sebagai hab serantau utama untuk pembangunan industri semikonduktor.

Beliau berkata, lawatan ke Jerman itu juga berjaya memperolehi tambahan RM1.4 bilion dalam potensi jualan eksport produk dan perkhidmatan Malaysia ke Jerman dalam sektor aeroangkasa bagi tempoh lima tahun akan datang kepada Airbus.

"Airbus yang sudah pun (bertapak) di Malaysia, bersetuju meningkatkan pelaburan mereka dengan tumpuannya di Negeri Sembilan dan Subang, Selangor," katanya.

Lokasi pelaburan menarik

Perdana Menteri berkata, beliau juga bertemu eksekutif tertinggi syarikat semikonduktor, Nexperia BV dari Belanda, termasuk Ketua Pegawai Eksekutifnya, Xuezheng Zhang, yang menyatakan kesediaan menjadikan Malaysia destinasi pelaburan utama mereka.

Anwar menegaskan, apa yang menjadikan Malaysia destinasi pelaburan menarik bagi syarikat besar ini ialah kestabilan politik dan dasar yang jelas.

"Dasar teknologi hijau termasuk peralihan tenaga dan tenaga

boleh diperbaharui, penyelidikan dalam hidrogen dan solar, ini antara faktor yang menarik perhatian mereka untuk datang dan melabur di Malaysia," katanya.

Perdana Menteri berkata, penyertaan Malaysia dalam acara SME Future Day 2024 (Mittelsland) khusus untuk kalangan perusahaannya kecil dan sederhana (PKS) di Berlin juga membuka mata kepada PKS Jerman kepada kepentingan sektor itu di Malaysia.

Malah, Anwar turut diberi penghormatan menyampaikan ucapan pada majlis itu.

Ketika lawatannya, Perdana Menteri turut mengadakan pertemuan meja bulat dengan kapten industri Jerman serta mesyuarat peribadi dengan penganjur kanan syarikat terpilih.

Ia disertai wakil dari Schott AG; Siemens AG; B. Braun; Foundries Silikon X-Fab, Melexis, Volkswagen; Oldenburger Interior; PCC SE; Oryx Stainless; Fresenius; DELO Industries Klebstoffe; Airbus Asia Pacific; Airbus Malaysia; Infineon Technology, DHL; Bayer AG dan lain-lain.

Jerman menjadi rakan dagang terbesar Malaysia dalam kalangan ahli Kesatuan Eropah sejak 2000, manakala Malaysia adalah rakan dagang terbesar Jerman di Asean.

Pada 2023, jumlah perdagangan Malaysia dengan Jerman me-

ningkat sebanyak 5.9 peratus kepada RM63.45 bilion (AS\$13.90 bilion) berbanding RM59.87 bilion (AS\$13.62 bilion) pada 2022.

Setuju penyelesaian aman

Sementara itu, mengenai isu dunia, Anwar berkata, walaupun Malaysia dan Jerman mungkin berkongsi pandangan berbeza mengenai situasi di Gaza, namun kedua-dua negara bersetuju bahawa penyelesaian secara aman dan kemanusiaan adalah penting.

Anwar berkata, beliau turut menyampaikan jempukan kepada Schulz dan Habeck untuk melawat Malaysia pada tahun ini.

Sementara itu, Perdana Menteri berkata, Malaysia bersetuju secara prinsipnya untuk menyertai Climate Club, iaitu sebuah forum antarabangsa untuk pertukaran mengenai pemerkasaan tindakan iklim dan dekarbonisasi industri.

Katanya, jempukan itu dihulurkan oleh Canselor Jerman yang turut mencadangkan supaya Malaysia bekerjasama dalam menangani isu berkaitan alam sekitar yang membimbangkan.

"Justeru, Malaysia bersetuju secara prinsipnya dengan jempukan itu untuk meningkatkan tahap kerjasama, seperti yang kita lakukan dalam sektor lain seperti ekonomi dan pendidikan," katanya.